

# Pelajar UMSKAL perlu ada daya ketahanan diri, kata Dr Kasim

UB 26.10.2023 P.06

**LABUAN:** Pelajar perlu ada daya ketahanan diri, mental, fizikal, psikologikal dan spiritual yang ampuh kerana masa depan negara kita terletak di tangan generasi masa kini.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Profesor Datuk Dr. Kasim Mansor berkata pelajar perlu sentiasa bersedia menghadapi ujian serta cabaran hidup sepanjang bergelar penuntut.

Tambahnya, jadilah seorang pelajar yang ada sifat hormat dan rendah diri kepada orang tua, kepada pensyarah dan kakitangan.

“Hormati setiap peraturan yang telah ditetapkan di universiti kerana ia akan mendidik anda untuk menjadi seorang yang penyabar, mudah bertoleransi dan memiliki ihsan terhadap rakan sekeliling kelak,” katanya.

Beliau berkata demikian sempena Sesi Meet & Greet Ahli Senat UMS Bersama Pelajar UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) di Dewan Utama, UMSKAL pada Ahad lalu.

Turut hadir Pengarah UMSKAL, Prof. Madya Dr. Mohamad Rizal Abdul Hamid dan Naib Presiden

Majlis Perwakilan Pelajar UMSKAL, Dimetio Fernandez Anak Luat.

Dr. Kasim berkata setiap perjalanan ke arah kejayaan itu, tidak akan terpisah daripada kesukaran, kesulitan atau serba serbi kekurangan.

Justeru itu, katanya, pelajar perlu mempunyai sifat kemampunan dalam diri dengan mengekalkan pencapaian yang baik di dalam kuliah.

“Melaluinya, pelajar bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik bahkan mempunyai kemahiran dan kemampuan tertentu iaitu



**KENANGAN:** Dr Kasim bergambar kenangan bersama pelajar UMSKAL.

kemahiran teknikal dan kemahiran insaniah sebagai persediaan menghadapi realiti kehidupan yang sebenar di luar sana.

“Jangan lupa bahawa sebaik-baik pendidik itu, adalah pengalaman yang anda alami itu sendiri,” katanya.

Beliau berharap semua pelajar sentiasa menghayati moto UMS iaitu “Bertekad Cemerlang” dan slogan UMS “Leading Towards Innovative Society”.

Dr Kasim turut menasihatkan pelajar supaya sentiasa menjaga nama baik dan imej UMS.



**PENDAPAT:** Seorang pelajar UMSKAL memberikan pendapat sempena Sesi Meet & Greet bersama Naib Canselor UMS.



**MESRA:** Kasim beramah dengan pelajar berbilang kaum di UMSKAL.